

Headline	8 pasukan MJHL terima undian sukar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	30	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,394
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,182



8 pasukan MJHL terima undian sukar

KUALA LUMPUR - Tiada laluan mudah buat semua lapan pasukan Liga Hoki Remaja Malaysia (MJHL) 2013 yang bakal berentap dalam saingan suku akhir Piala Milo pada Jumaat ini.

Itu adalah rumusan daripada undian suku akhir yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, semalam.

Tumpuan juga pasti terarah kepada juara bertahan Thunderbolt yang diundi bertemu juara Divisyen Dua, Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL) sekali gus bakal menjanjikan persembahan menarik daripada kedua-dua pasukan.

Pengurus SSTMI-Thunderbolt, Adam Izamry berkata, walaupun tampil selaku pasukan pilihan serta juara bertahan, namun mereka sesekali tidak memandang mudah cabaran bakal diberikan oleh SSKL yang baharu dinobatkan selaku juara Divisyen Dua, Ahad lalu.

“Kami tetap menghormati SSKL selaku juara Divisyen Dua dan saya mengingatkan pemain untuk bersedia sepenuhnya untuk kedua-dua aksi suku akhir itu nanti yang bakal berlangsung Jumaat ini di Johor Bahru dan perlawanan kedua pada Ahad di sini (Stadium Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembah Pantai),” kata Adam.

Dalam undian semalam, turut mencuri tumpuan naib juara Divisyen Satu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang dijadual bertemu Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Junior).

Selain itu, pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL Young Guns) pula bakal membuat perhitungan dengan Sekolah Tinggi Melaka manakala Majlis Bandaraya Ipoh (MBI-Anderson) akan bertemu naib juara Divisyen Dua, Persatuan Hoki Kelantan-Majlis Sukan Sekolah-sekolah (PHK-MSS Kelantan).